

## KENYATAAN SEBUTHARGA

TARIKH IKLAN : 10 JANUARI 2024



### JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220801 serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:


BIL	NO. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK	GRED	LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP / MASA
1.	PPN.PK. (S) 53/2024 (BKP)  Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Di Bangunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan, Persiaran Meru Utama, 30020 Ipoh	G2	<b>Tarikh :</b> 17 Januari 2024 (Rabu)  <b>Masa :</b> 10.00 Pagi  <b>Tempat :</b> Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> Mulai 17 Januari 2022 (Rabu)  <b>Tempat :</b> Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> 24 Januari 2024 (Rabu)  <b>Masa :</b> 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri taklimat dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan** :
  - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
  - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
  - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)** dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.
4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **17 Januari 2024 (Rabu) sehingga sebelum tutup Sebutharga (24 Januari 2024)** pada waktu pejabat di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

5. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 50.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
6. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal** yang masih **Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran** dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
7. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **24 Januari 2024 (Rabu)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK  
PERSIARAN MERU UTAMA  
BANDAR MERU RAYA  
30020 IPOH  
PERAK DARUL RIDZUAN**

8. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.

  
**OTHMAN BIN DERIS**  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak